

SKRIP TEKS TEMUBUAL
SELAMAT PAGI 1MALAYSIA TV1
BERSAMA
YB DATO' SERI KONG CHO HA, MENTERI PENGANGKUTAN
MALAYSIA
STUDIO A WISMA TV, ANGKASAPURI KUALA LUMPUR.
16 NOVEMBER 2011 (RABU)

PENGENALAN SP1M :

Assalamualaikum... Selamat Sejahtera dan Salam1Malaysia saya ucapkan kepada seluruh penonton budiman yang sedang mengikuti rancangan Selamat Pagi 1Malaysia pada pagi ini. Berdasarkan rekod dalam pengkalan data Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) terdapat 2.2 juta daripada 11.8 juta rekod pemegang lesen memandu yang tidak aktif atau tidak memperbaharui lesen memandu mereka. Kementerian melalui JPJ telah mendapat maklumbalas orang ramai yang menyatakan bahawa mereka sukar mengingati tarikh tamat tempoh lesen memandu masing-masing khususnya mereka yang memperbaharui untuk tempoh yang panjang iaitu 3 atau 5 tahun serta pemegang lesen memandu dalam cip Mykad yang tidak dipaparkan maklumat tarikh tamat pada permukaan Mykad. Ini menyebabkan mereka terus memandu setelah lesen memandu mereka tamat tempoh. Justeru menyebabkan mereka dikenakan saman oleh pihak berkuasa. Yang membimbangkan ialah mereka tidak dilindungi insuran kerana memandu tanpa lesen yang sah dan berkuatkuasa.

Bagi mereka yang gagal membaharui lesen memandu melebihi 3 tahun, mereka perlu menjalani ujian kekompetenan bagi membaharui lesen memandu mereka. Bagi menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai perkara ini, bersama-sama kita di studio pada pagi ialah YB. Datoq Seri Kong Cho Ha, Menteri Pengangkutan Malaysia. Selamat Pagi Datoq Seri.

SOALAN SP1M

Datoq Seri mungkin penonton hendak tahu apakah tujuan inisiatif baru ini dilaksanakan.

JAWAPAN YB. MENTERI PENGANGKUTAN

Sebenarnya tujuan inisiatif baru ini adalah untuk mengurangkan kes pemegang lesen tidak aktif dan rayuan untuk memperbaharui Lesen Memandu tamat tempoh melebihi 3 tahun; dan sebagai alternatif kepada sistem penyampaian notis peringatan yang telah dilaksanakan JPJ.

Tarikh tamat tempoh lesen memandu adalah sama dengan tarikh lahir seseorang pemegang lesen. Untuk tujuan ini, penyelarasan fi akan dilaksanakan dalam dua bentuk iaitu tidak kurang daripada 6 bulan dan melebihi 6 bulan.

Bagi pemegang lesen yang tempoh pembaharuannya di antara tarikh tamat sah lesen hingga tarikh lahir adalah di antara **12 hingga 18 bulan**

(termasuk tempoh lanjutan), Kerajaan akan menanggung fi lesen bagi tempoh lanjutan tersebut.

Manakala pemegang lesen yang **tempoh pembaharuannya di antara tarikh tamat sah lesen hingga tarikh lahir adalah di antara 19 hingga 24 bulan (termasuk tempoh lanjutan)**, mereka *perlu membayar untuk lanjutan tempoh melebihi 6 bulan tetapi kurang daripada 12 bulan.*

SOALAN SP1M

DatoqSeri, apakah jenis-jenis lesen memandu dan tempoh pembaharuan serta bayaran yang dikenakan bagi pemegang lesen sekarang.

JAWAPAN YB. MENTERI PENGANGKUTAN

Sebenarnya pada masa sekarang permohonan bagi pembaharuan lesen memandu adalah diproses berdasarkan kepada tempoh yang dipohon pemegang lesen. Pertama ialah Lesen Memandu Percubaan (PDL). Lesen ini dihadkan dalam tempoh 2 tahun dan bayaran yang dikenakan adalah sebanyak RM60.00. Manakala jenis kedua ialah Lesen Memandu Kompeten (CDL). Lesen ini mempunyai tempoh iaitu 1,2,3 atau 5 tahun dan bayaran yang dikenakan adalah sebanyak RM 30.00 setahun.

SOALAN SP1M

Mungkin Datoq Seri boleh jelaskan mengenai tren pembaharuan lesen memandu masakini.

JAWAPAN YB. MENTERI PENGANGKUTAN

Mengikut rekod yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan, sebanyak 47% atau 2.7 juta orang pemegang lesen memandu, memperbaharui lesen tersebut untuk tempoh setahun. Bagi mereka yang memperbaharui tempoh dua tahun jumlahnya adalah sebanyak 31% atau 1.8 juta. Sebanyak 18% atau 1.1 juta orang yang memperbaharui lesen memandu untuk tempoh tiga tahun. Manakala hanya 5% atau 255,264 pemegang lesen memandu yang memperbaharui lesen mereka untuk tempoh 5 tahun.

SOALAN SP1M

Datoq Seri, saya difahamkan dengan inisiatif baru ini orang ramai khususnya pemegang lesen memandu akan mendapat faedah khususnya bagi mengelakkan kes pemegang lesen memandu tidak aktif.

JAWAPAN YB. MENTERI PENGANGKUTAN

Sebenarnya inisiatif baru ini memang banyak mendatangkan faedah kepada pemegang lesen memandu yang mana mereka mudah mengingati tarikh tamat tempoh lesen memandu masing-masing. Selain daripada itu mereka juga dapat mengelakkan masalah terlupa dan terlepas pandang

mengenai tarikh tamat tempoh lesen memandu khususnya penegang Mykad. Jadi dengan inisiatif baru ini akan dapat mengelakkan kes pemegang lesen memandu tidak aktif.

SOALAN SP1M

DatoqSeri bagaimana jika ada pemegang lesen memandu ini masih terlupa untuk membuat pembaharuan lesen mereka?

JAWAPAN YB. MENTERI PENGANGKUTAN

Ingin saya tegaskan di sini bahawa kadar bayaran lesen memandu tidak berubah iaitu masih RM30.00 setahun. **Sekiranya ada pemegang Lesen Memandu yang masih lagi terlupa** atau lewat memperbaharui lesen memandu mereka selepas penyelarasan kali pertama dibuat, syarat fi pembaharuan dikenakan akan berdasarkan kadar biasa mengikut jadual pembaharuan (2, 3, 4, dan 5 tahun). Kadar ini dikenakan bagi menyelaraskan semula tempoh pembaharuan tersebut mengikut tarikh lahir dan memastikan tempoh berkuatkuasa Lesen Memandu yang diperbaharui tidak kurang setahun sebagaimana yang ditetapkan di bawah Seksyen 27 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Bagi pemegang Lesen Memandu CDL sedia ada yang hadir berurusan di JPJ untuk menambah kelas Lesen Memandu atau mendapatkan salinan lesen dengan kombinasi pembaharuan, tarikh tempoh sah Lesen

Memandu mereka akan diselaraskan secara automatik mengikut tarikh lahir. Bagi pemegang Lesen Memandu yang tarikh lahirnya ialah pada **29 Februari, tarikh tamat sah Lesen Memandu mereka dicadangkan pada pada 28 Februari dan tarikh pembaharuan adalah pada 1 Mac.**

SOALAN SP1M

DatoqSeri, mungkin orang ramai dan penonton ingin tahu, bilakah agaknya inisiatif baru ini iaitu pembaharuan lesen memandu mengikut tarikh lahir ini akan dikuatkuasakan oleh Kementerian Pengangkutan.

JAWAPAN YB. MENTERI PENGANGKUTAN

Saya yakin kita sudah bersedia bagi melaksanakan inisiatif baru ini. Pelaksanaan pembaharuan lesen memandu melalui penyelarasan tarikh tamat Lesen Memandu mengikut tarikh lahir **akan dilaksanakan pada 21 November 2011** yang akan melibatkan agensi-agensi berkaitan seperti JPJ, Jabatan Pendaftaran Negara, Pos Malaysia dan eKhidmat. ***Pelaksanaan di kaunter JPN mulai Disember 2011***

SOALAN SP1M:

DatoqSeri, adakah bermakna pada 21 November 2011 apabila inisiatif ini dilaksanakan, semua pemegang lesen memandu perlu hadir ke pejabat JPJ untuk menyelaraskan tarikh tamat lesen memandu mereka mengikut

tarikh lahir? Misalnya lesen memandu tamat pada 07 Oktober 2016, sedangkan saya menyambut hari lahir saya pada 19 September 1957.

JAWAPAN YB. MENTERI PENGANGKUTAN:

Saya nasihatkan supaya orang ramai tidak perlu pergi ke pejabat JPJ pada 21 November 2011 memandangkan lesen memandu mereka masih lagi berkuatkuasa untuk tempoh yang masih panjang iaitu pada 07 Oktober 2016. Oleh yang demikian, pada 21 November 2011, hanya pemegang lesen memandu yang akan tamat tempoh sahaja dinasihatkan hadir ke pejabat JPJ untuk membaharui lesen memandu mereka untuk mengelakkan kesesakan di kaunter-kaunter di Pejabat JPJ di seluruh negeri.

SOALAN SP1M:

Adakah apa-apa maklumat lain yang YB. Datoq Seri ingin sampaikan kepada orang ramai berhubung perkara ini?

JAWAPAN YB. MENTERI PENGANGKUTAN:

Ingin saya maklumkan, orang ramai boleh merujuk kepada portal JPJ www.jpj.gov.my untuk mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut

berhubung perkara ini serta boleh juga menghubungi pejabat JPJ yang berhampiran.

SOALAN SP1M

Akhir sekali, apakah harapan Datoq Seri kepada orang ramai khususnya pemegang lesen memandu.

JAWAPAN YB. MENTERI PENGANGKUTAN

Saya amat berharap agar orang ramai dapat menyambut baik langkah ini dan bagi pemegang lesen memandu pula mereka tidak perlu risau kerana tarikh lahir akan mengingatkan mereka daripada masalah terlepas pandang dan terlupa daripada memperbaharui lesen memandu masing-masing. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Selamat Pagi 1Malaysia kerana memberikan peluang kepada saya bagi memperjelaskan inisiatif baru ini kepada penonton SP1M pada pagi ini.